

05 MAR 2001

DR MAHATHIR KORBAN LIMA LEMBU

JITRA, 5 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyerahkan lima ekor lembu kepada wakil-wakil dari daerah Kubang Pasu, Pendang dan Kota Setar untuk ibadah korban pada Aidiladha esok.

Beliau menyerahkan seekor lembu kepada imam Masjid Gelong, Mohd Yusof Murad, 48, bagi mewakili dirinya dan keluarganya untuk ibadah berkenaan yang akan disempurnakan oleh penduduk Kampung Alor Batu di sini.

Kemudian, Dr Mahathir ke Masjid Wang Tepus untuk menyerahkan seekor lembu kepada wakilnya yang merupakan imam masjid di situ, Ismail Hassan, 63.

Di kediaman beliau di Titi Gajah dekat sini, Perdana Menteri menyerahkan tiga ekor lembu kepada wakil-wakilnya.

Badaruddin Ali menerimanya untuk masyarakat di Titi Gajah, Abu Salleh, imam Masjid Bendang Raja, Pendang untuk penduduk kawasan Bendang Raja dan Zainol Ismail bagi mewakili penduduk Kampung Bukit Lada, Pokok Sena di Kota Setar.

-- BERNAMA

MNH MAI